

PEMBENTANGAN

PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

SESI PERBINCANGAN

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN

BERSAMA

PEMAIN INDUSTRI TELEKOMUNIKASI

13 OGOS 2024 (SELASA) | 10 PAGI | BILIK MESYUARAT ARAS 11, PTTC

PERKARA BERBANGKIT 1

PEMBELIAN DATA UDM

Isu Dari Pemain Industri

1. Pihak Industri mahu kepastian sama ada pembelian maklumat data UDM dari telco yang berbeza dibolehkan di KUDR.
2. KUSEL membenarkan pembelian data UDM.
3. Keabsahan data adalah dalam tempoh 6 bulan.

Tindakan KUDR

Mengadakan perbincangan bagi mendapatkan rujukan bersama:

1. KUSEL
2. Jurukur Tanah Berlesen

Status Terkini

01-08-2024

- KUSEL memaklumkan keputusan menggunakan UDM sedia ada tidak diteruskan atas nasihat pihak JUPEM yang mempertimbangkan risiko pada integriti data serta pertanggungjawaban JTB dalam mengesahkan UDM sedia ada yang akan diguna semula tersebut.
- Mempertimbangkan risiko-risiko yang wujud daripada penggunaan semula UDM sedia ada ini, pemakaian semula UDM tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, data utiliti sedia ada akan dipastikan boleh dirujuk oleh penyedia utiliti pada sistem KUDRAT untuk memudahkan perancangan dan mempercepatkan lagi proses kelulusan.

PERKARA BERBANGKIT 1

PEMBELIAN DATA UDM

Kajian Kes

Koridor Utiliti Selangor (KUSEL)

- ▶ Tiada penjualan data utiliti sedia ada dilakukan.
- ▶ Perancangan diperingkat awal sahaja.
- ▶ Rancangan tersebut dibatalkan atas saranan dari pihak JUPEM

Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR)

- ▶ Tiada dalam perancangan.
- ▶ Perkongsian untuk paparan untuk rujukan.
- ▶ Data utiliti adalah hak Kerajaan Negeri.

PERKARA BERBANGKIT 2

MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB ATAS LAPORAN UDM

Isu Dari Pemain Industri

1. Pihak Industri mahu KUDR menggalas akauntabiliti atas semua laporan UDM yang dikeluarkan.
2. Kegusaran ini berlaku kerana KUN lain tidak mahu bertanggungjawab atas laporan tersebut.
3. Pemain industri mahu KUDR memastikan ada perjanjian yang mengikat dan Kontraktor/ Jurukur yang dilantik mempunyai insuran untuk membaiki kerosakan.

Tindakan KUDR

- Sebagaimana yang dibincangkan bersama PUU KUDR, tanggungjawab KUDR adalah untuk memastikan semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pengurus Perkhidmatan KUDR bersama panel Jurukur Tanah Berlesen yang dilantik dipatuhi.
- KUDR akan mencadangkan klausa baru bagi menggantikan klausa 7(b) dan 7(c) untuk kelulusan Ahlli Lembaga Pengarah KUDR.
- KUDR juga mensyaratkan setiap panel jurukur mengambil insuran yang akan menanggung sebarang kecacatan projek atau liabiliti lain.

PERKARA BERBANGKIT 2


MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB ATAS LAPORAN UDM

Klausula 7(b)

- The Utility Company hereby agrees to full indemnity KUDR in respect of any actions claims summons demands losses damages cost and expenses suffered by KUDR as a result of all works performed by Utility Company's consultant or contractor.

Klausula 7(c)

- Notwithstanding anything herein to the contrary, in no event shall either Party be liable to the other Party for any indirect, incidental, consequential, special or punitive damages, including loss of opportunity, loss of production, loss of revenues, loss of profit, downtime costs, downstream loss or damage, or any other consequential losses and the like arising in relation to the performance or breach of this T&C.



Indemnity

To the extent permitted by law, each Party agrees and irrevocably undertakes to hold the other Party harmless and keep the other Party and its directors, officers, employees, and other agents fully indemnified at all times from and against any claims, demands, judgements, costs, damage, liabilities, losses or expenses (including the reasonable professional fees of solicitors on a solicitor-client basis). Incurred or suffered by the other Party as result of or in connection with:

- any breach by one Part of any of the provisions of this Agreement (including the breach of any relevant law, code or regulation);
- any willful, unlawful or negligent act or omission of one Party; and/or
- any damage, loss or injury, including death, to any person or property arising out of any act or omission (whether negligent or otherwise) of one Party

PERKARA BERBANGKIT 2

MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB ATAS LAPORAN UDM

Pertanggungjawaban UDM

1. KUDR telah menyediakan segala terma dan syarat bagi panel yang dilantik.
2. Menyediakan kontrak perjanjian antara syarikat dan Panel Penyedia untuk memastikan semua tanggungjawab dan syarat-syarat yang dipersetujui dipenuhi oleh kedua-dua pihak.
3. Antara perkara yang ada didalam terma dan syarat Panel:
 - Keperluan untuk mengambil insurans bagi setiap projek yang diterima.
 - Wang 10% dicagarkan selagi mana kerja pemasangan belum selesai.
 - Segala pekeliling berkaitan penyediaan UDM digunapakai di KUDR untuk Panel Jurukur Berlesen.

PERKARA BERBANGKIT 3

MEMASTIKAN TEMPOH 15 HARI KELULUSAN PERMIT DI MAJLIS BANDARAYA IPOH DISERAGAM KE PBT LAIN

Isu Dari Pemain Industri

- Pemain industri setuju tapi mahu satu jaminan dari KUDR dapat memenuhi tempoh ini supaya sekiranya berlaku kelewatan impak kerja tidak di tanggung oleh pemain industri.

Tindakan KUDR

Mengadakan perbincangan bagi mendapatkan pendapat dan pandangan:

1. Timb. Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan
2. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Status Terkini

25-07-2024

1. KUDR telah mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Tn. Zairasyahli.
2. Dicapai perikatan persekutuan sebagai korum khas dalam mesyuarat JKT yang akan diadakan pada Ogos 2024.
3. KUDR diminta untuk memanjangkan perkara ini kepada YB Pn. Sandra.

06-08-2024

1. KUDR mengadakan perbincangan bersama YB Pn. Sandra dan beliau tiada halangan sekiranya diperlukan untuk menguruskan dan mengkoordinasikan mesyuarat.

PERKARA BERBANGKIT 4

ENGAGEMENT SESSION SETIAP SUKU TAHUNAN

Isu Dari Pemain Industri

1. Untuk memastikan KUDR berupaya mengikut tempoh sebagaimana carta alir, pemain industri mahu diadakan perbincangan setiap suku tahunan diadakan bagi memastikan KPI KUDR terlaksana dan melaksana tugas.
2. Dicadangkan Exco INTAP / Exco Telekomunikasi mempengerusikan mesyuarat. Ahli mesyuarat terdiri daripada KUDR, pemain utiliti dan pihak berkuasa melulus.

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR tiada halangan terhadap perkara ini dan Tuan Ketua Pegawai Eksekutif KUDR akan membawa hasrat ini ke pengetahuan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam.
- **Selesai**

PERKARA BERBANGKIT 5

PEMUDAHCARA PROSEDUR KERJA BAGI JALAN PERSEKUTUAN / NEGERI MILIK JKR

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri meminta KUDR melihat semula proses permohonan bagi jalan JKR di negeri Perak.
2. KUDR dicadangkan melihat contoh tatacara kerja JKR di negeri Johor dimana Pengarah JKR Negeri Johor mengeluarkan Surat Kebenaran Kelulusan Kerja Awal secara umum dengan syarat surat kelulusan izin lalu telah dikeluarkan oleh JKR Daerah. Walaubagaimanapun, KUDR turut memaklumkan perkara ini tidak diamalkan oleh JKR di negeri Pahang.
3. Pemain industri telekomunikasi memohon KUDR untuk membantu supaya ketetapan seperti di Johor dapat dilaksanakan di negeri Perak.

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR dalam fasa mengkoordinasi tarikh untuk mengadakan kunjung hormat dan perbincangan bersama YBrs. Ir. Haji Zamri bin Mat Kasim; Pengarah JKR Negeri Perak yang baru sahaja menerima wafat perlantikan pada 12 Ogos 2024.

PERKARA BERBANGKIT 6

PENYERAGAMAN WANG HANGUS PBT

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri dimaklumkan harga open cut telah diseragamkan kadar bagi semua PBT.
2. Pemain industri meminta KUDR selaku OSA menyelaraskan semua caj dan fi yang dikenakan supaya lebih berdaya saing. Sebagaimana State Secretary Kedah (SSK) menyelaraskan caj dan fi di Kedah.

Tindakan KUDR

Mengadakan perbincangan bagi mendapatkan pendapat dan pandangan:

1. SSK
2. Utara Infra Sdn Bhd

Status Terkini

25-07-2024

1. KUDR telah mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Tn. Zairasyahli.
2. Dicapadangkan perkara ini dibentangkan sebagai korum khas dalam mesyuarat JKT yang akan diadakan pada Ogos 2024.
3. KUDR diminta untuk memanjangkan perkara ini kepada YB Pn. Sandra.

06-08-2024

1. KUDR mengadakan perbincangan bersama YB Pn. Sandra dan beliau tiada halangan sekiranya diperlukan untuk menguruskan dan mengkoordinasikan mesyuarat.

11-08-2024

1. SSK memaklumkan OSA SSK mengenakan bayaran Pihak Berkuasa Melulus yang seragam kepada pemohon dengan kadar RM200.00 / permohonan bagi fi proses dan RM 2,000.00 / permohonan bagi fi permit kerja.

PERKARA BERBANGKIT 7

PEMBAYARAN CAJ OSA

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri bersetuju dengan pembayaran berperingkat berikut:
 - 50 % : Izin Lalu
 - 40 % : Permit
 - 10 % : CPC

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR setuju dengan pecahan bayaran ini.
- **Selesai**

PERKARA BERBANGKIT 8

CAJ BAGI PERKHIDMATAN PENANAMAN TIANG

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri mahu tahu harga bagi penanaman tiang di semua kawasan.
2. Pemain industri memaklumkan kadar harga penanaman tiang di KUSEL adalah RM3.00 / meter run.
3. Sekiranya boleh harga yang ditetapkan adalah seragam.
4. KUDR ambil maklum permintaan industri dan akan bawa ke perhatian Lembaga Pengarah.
5. Inisiatif lain, KUDR akan buat engagement bersama PBM dan Koridor Negeri Utiliti yang lain.

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR telah mendapatkan maklumbalas berkaitan harga penanaman tiang dengan Koridor Utiliti Negeri yang lain.
- Hasil dapatan adalah seperti berikut di slide seterusnya.
- Hasil libat urus bersama KUN lain, caj bagi perkhidmatan (Aerial Cable With Poll) KUDR adalah sepertimana yang telah diluluskan ahli lembaga Pengarah pada kadar **RM21.00/meter** merangkumi semua perkhidmatan termasuk OSA dan penyediaan pelan UDM, TMP dan As Built sekiranya diarahkan oleh PBM untuk menyediakan UDM.
- Sekiranya PBM membuat keputusan untuk tidak perlu menyediakan UDM, **RM10.00/meter** akan dikenakan dan perkhidmatan merangkumi OSA, Penyediaan Pelan Topografi dan juga As Built

KORIDOR UTILITI SETIAP NEGERI	SKOP KERJA PENYEDIAAN UDM	KADAR HARGA	RUMUSAN
KORIDOR UTILITI PAHANG	<ul style="list-style-type: none"> • Lorong Belakang Rumah • Jalan utama perumahan • Jalan Negeri/Jalan persekutuan 	RM 18.00 / meter (BELUM termasuk OSA)	TIADA PENGEQUALIAN
KORIDOR UTILITI TEKNOLOGI TERENGGANU	<ul style="list-style-type: none"> • Lorong Belakang Rumah • Jalan utama perumahan • Jalan Negeri/Jalan persekutuan 	RM 18.00 / meter (BELUM termasuk OSA)	TIADA PENGEQUALIAN
KORIDOR UTILITI SELANGOR	<ul style="list-style-type: none"> • Lorong Belakang Rumah • Jalan utama perumahan • Jalan Negeri/Jalan persekutuan 	RM 25.00 / meter (TERMASUK OSA) + RM 1.00 untuk TMP	TIADA PENGEQUALIAN
STATE SECRETARY KEDAH (SSK)	<ul style="list-style-type: none"> • Lorong Belakang Rumah • Jalan utama perumahan • Jalan Negeri/Jalan persekutuan 	RM 17.50 / meter (TERMASUK OSA)	MENGIKUT KATEGORI

PERKARA BERBANGKIT 9

KESEDIAAN KUDR MENANDATANGANI PERJANJIAN BERSAMA SYARIKAT TELEKOMUNIKASI

Makluman dan Status Terkini

- KUDR tiada masalah untuk menandatangani perjanjian bersama syarikat-syarikat telekomunikasi.
- Setakat 12 Ogos 2024, KUDR hanya menerima cadangan untuk perjanjian komersial daripada pihak CelcomDigi dan draf perjanjian dari syarikat telekomunikasi yang lain masih belum diterima sehingga kini.
- Selain daripada Perjanjian Komersial, KUDR juga telah menerima draf NDA daripada pihak CelcomDigi pada 25 Julai 2024 dan telah memberi maklumbalas pada 6 Ogos 2024.

PERKARA BERBANGKIT 10

DANA PUSINGAN



Isu Dari Pemain Industri

1. KUDR turut memaklumkan tidak boleh memaksa untuk Kerajaan Negeri memegang wang tersebut kerana struktur KUDR yang berbeza.
2. Pemain Industri menolak penuh cadangan sekiranya revolving fund di pegang dan dikawal oleh PKNPk. Walaubagaimanapun, KUDR faham kegusaran pemain industri tentang keselamatan wang masing-masing dan akan bantu untuk menyediakan kertas kerja bagi membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri Perak sebagaimana di Negeri Kedah.
3. Pemain Industri mohon pecahan bayaran revolving fund 70% : 30%

PERKARA BERBANGKIT 10

DANA PUSINGAN

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu dana pusingan yang merujuk kepada mekanisma yang digunakan di State Secretary Kedah (SSK).
- Mekanisme di SSK adalah dana pusingan yang berkonsepkan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP ini akan diletakkan dalam akaun deposit Kerajaan Negeri Perak dibawah kelolaan Pejabat Bendahari Negeri. Wang akan dikembalikan setahun selepas permohonan pemulangan semula wang tersebut.
- SSK juga memaklumkan wang berbentuk 100% bank draf dan hanya boleh dikeluarkan selepas syarikat utiliti menghantar pemakluman dan tempoh wang dikembalikan adalah selepas satu tahun.

PERKARA BERBANGKIT 10

DANA PUSINGAN

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR akan mencadangkan perkara berikut:-
 1. Mekanisma wang cagaran berkelompok dimanna dana pusingan yang berkonsepkan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP ini akan diletakkan dalam akaun deposit Kerajaan Negeri Perak dibawah kelolaan Pejabat Bendahari Negeri. Wang akan dikembalikan setahun selepas permohonan pemulangan semula wang tersebut.
 2. Nilai yang akan dicadangkan adalah RM2,500,000 dengan pecahan bayaran 70% jaminan bank dan 30% bank draf.
 3. Terma pada jaminan bank adalah sebagaimana terma jaminan bank pada prosedur JKR 2022 (Lampiran Q)

PERKARA BERBANGKIT 11

KLAUSA BERKENAAN PENALTI 'LATE PAYMENT' DALAM TERMA & SYARAT (T&C) KUDR

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri minta klausa tersebut dibuang.
2. KUDR ambil maklum. Walaubagaimanapun mengambil kira dan menimbangtara keselamatan pembayaran kepada KUDR dan komitmen penyedia utiliti, KUDR turut memaklumkan Terma dan Syarat KUDR tidak akan berubah.
3. KUDR mencadangkan penyedia utiliti untuk counter Terma dan Syarat KUDR melalui perjanjian syarikat telekomunikasi bersama KUDR.
4. Pemain industri mencadangkan sebarang penalti 'Late Payment' dinyatakan sahaja dalam inbois.
5. Klausa ini dalam para 3(j)

Tindakan dan Status Terkini


- Hasil perbincangan bersama PUU KUDR, klausa ini adalah penting terutamanya didalam situasi dimana terdapat pemohon yang ingin membuat rayuan-rayuan tertentu yang perlu mendapatkan pertimbangan dan kelulusan ahli lembaga Pengarah KUDR.
- Klausa juga akan dicadangkan kepada ALP KUDR untuk di frasa semula.

PERKARA BERBANGKIT 11

KLAUSA BERKENAAN PENALTI 'LATE PAYMENT' DALAM TERMA & SYARAT (T&C) KUDR

Klausula 3 (j) sedia ada

- “In the event KUDR decides to proceed to perform any part of the Services despite not having previously received timely payment from the Utility Company, subject to prior notice being issued to the Utility Company, KUDR shall be entitled to claim late payment charges at the rate of 8% per annum”



Klausula 3 (j) - Cadangan Pindaan

“In the event that KUDR is requested to proceed with performing any part of the Services despite not having previously received timely payment from the Utility Company, KUDR shall do so only upon the final decision and instruction of the Utility Company, subject to prior notice being issued to the Utility Company. Should KUDR proceed as instructed, KUDR shall be entitled to claim late payment charges at the rate of 8% per annum”

PERKARA BERBANGKIT 12

KLAUSA MEMINDA / PEMBETULAN PERMOHONAN DALAM TEMPOH 7 HARI DALAM T&C KUDR

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri meminta klausa tersebut dibuang.
2. Klausa ini dalam para 3(f).
3. KUDR akan menimbangtara perkara ini sebaiknya.

Tindakan dan Status Terkini

- Selain untuk kepentingan perniagaan KUDR, klausa ini juga adalah bagi menjaga kepentingan PBM kerana melalui sesi libat urus, PBM meminta agar KUDR memainkan peranan dalam memastikan penyediaan dokumen permohonan tidak mengambil masa yang terlalu panjang sehingga menyebabkan sesetengah permohonan tidak dapat diselesaikan/ ditutup kerana tiada maklumbalas daripada pemohon.
- Klausa ini adalah 'exit clause' bagi memastikan tiada permohonan yang tidak dapat diselesaikan/ditutup. KUDR bersedia membincangkan tempoh yang selesa oleh pihak industri selain daripada 7 hari yang telah dinyatakan pada klausa tersebut.

PERKARA BERBANGKIT 13

MEMBENTANG PERKARA BERBANGKIT DALAM PERBINCANGAN DAN SECARA BERDOKUMEN

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri memohon KUDR membuat laporan dan pembentangan dalam selepas 3 minggu / 21 hari berkerja (30 Julai 2024) di Ipoh.
2. Maklum balas adalah perlu kecuali bagi perkara yang memerlukan makluman dan kelulusan BOD supaya ini jadi perbincangan terakhir.
3. KUDR maklum ketegasan pemain industri dan bantu untuk bawa suara pemain industri bagi semua perkara berbangkit.

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR telah mengemukakan tarikh pembentangan pada 13 Ogos 2024.
- **Selesai** dan akan dikeluarkan dari maklumbalas.

PERKARA BERBANGKIT 14

AKTA 458

Isu Dari Pemain Industri

1. Pemain industri bertanya KUDR akan memandatorikan akta ini kepada pemain industri.
2. KUDR memaklumkan tiada kenaikan harga dalam masa terdekat akan berlaku dan KUDR telah mensyaratkan semua jurukur perlu berlesen serta memaklumkan akta ini tidak membenarkan jurukur in-house.

Tindakan dan Status Terkini

- KUDR tidak terlibat dengan pelaksanaan akta ini.
- **Selesai** dan akan dikeluarkan dari maklumbalas.

TERIMA KASIH